




GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN



**BAHAGIAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
PUSAT PENERANGAN ISLAM SARAWAK (IIC-MIS)**

Blok 10, KCLD, Jalan Ong Tiang Swee
93200, Kuching, Sarawak



GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN PUSAT PENERANGAN ISLAM (IIC-MIS)

1. PENGENALAN

2. PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN

- Permohonan
- Kriteria Geran Penyelidikan
- Kriteria Penyelidik
- Tempoh Penyelidikan

3. PENGURUSAN PERUNTUKAN

- Permohonan
- Penggunaan Peruntukan

4. PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

- Prestasi Projek Penyelidikan
- Prestasi Kewangan
- Laporan Akhir

1.0 PENGENALAN

Geran Kajian dan Penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada Kajian dan Penyelidikan yang berkaitan dengan penemuan maklumat baharu tentang Islam atau sebarang konsep, trend atau isu permasalahan dalam bidang yang berkaitan yang dicadangkan sama ada oleh:

- i. Panel Penasihat IIC-MIS; atau
- ii. *Subject Matter Experts* (SME) melalui Bengkel Sumbang Saran Penyelidikan.

Bagi melancarkan pelaksanaan penyelidikan di bawah geran peruntukan IIC-MIS, **Garis Panduan Geran Penyelidikan** ini disediakan sebagai rujukan dan panduan oleh penyelidik sepanjang tempoh penyelidikan. Garis panduan ini menerangkan secara jelas mengenai perkara-perkara berikut:

- 1. Pengurusan Geran Penyelidikan**
- 2. Pengurusan Peruntukan**
- 3. Pemantauan Projek Penyelidikan**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan umum dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak pemberi geran. Sebarang perubahan atau tambahan kepada garis panduan ini adalah berdasarkan budi bicara pemberi geran.

Pemakaian garis panduan ini juga adalah untuk memastikan penyerahan geran penyelidikan dilaksanakan secara jelas dan teratur di mana hasil projek penyelidikan hendaklah merangkumi implikasi atau aplikasi untuk pengamal terutamanya agensi Islam & NGO, dan wakil Islam lain yang berkaitan serta menyumbang kepada pembangunan ummah di Sarawak.

2.0 PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN

2.1 PERMOHONAN

- 2.1.1 Geran penyelidikan ini terbuka kepada institusi pengajian Awam/Swasta yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia; Agensi / Jabatan / Kementerian dalam negara.
- 2.1.2 Penyelidik perlu mengemukakan permohonan yang lengkap melalui **Borang Permohonan Geran Penyelidikan IIC-MIS**.
- 2.1.3 Pemohon perlu menyediakan dokumen berikut:
 - i. Kertas cadangan penyelidikan yang lengkap;
 - ii. Jadual kerja yang terperinci;
 - iii. Anggaran kos penyelidikan; dan
 - iv. Surat sokongan daripada institusi (jika diperlukan).
- 2.1.4 Semua permohonan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup yang dinyatakan.
- 2.1.5 Kelulusan projek kajian dan penyelidikan tertakluk kepada keputusan **Jawatankuasa Projek Kajian & Penyelidikan IIC-MIS** dan keupayaan peruntukan dalaman IIC-MIS serta justifikasi penyelidikan.

2.2 KRITERIA GERAN PENYELIDIKAN

- 2.2.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea / teori / konsep / kaedah / model / proses baharu; atau
- 2.2.2 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang terus terhadap enam (6) bidang di bawah Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak 2021 – 2030 (PTMIS 2021-2030) iaitu Bidang Masjid, Bidang Dakwah, Bidang Perundangan, Bidang Ekonomi, Bidang Pendidikan dan Bidang Sosiobudaya; atau
- 2.2.3 Penyelidikan dapat menghasilkan pangkalan data atau memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha menambah baik sesuatu dasar dan pelaksanaan berkaitan

pembangunan ummah yang dilaksanakan oleh Agensi Islam di Sarawak terutamanya.

2.3 KRITERIA PENYELIDIK

Penyelidik atau pemohon geran hendaklah diluluskan dan disahkan oleh Pengurusan IIC-MIS dengan perundingan **Jawatankuasa Projek Kajian & Penyelidikan IIC-MIS** mengikut garis panduan yang disediakan seperti berikut: -

- 2.3.1 Pemohon mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan projek penyelidikan dengan menyediakan *curriculum vitae (CV)* untuk setiap penyelidik dengan penerangan ringkas tentang peranan dan kelayakan mereka;
- 2.3.2 Berkebolehan merekabentuk strategi penyelidikan untuk memenuhi keperluan projek penyelidikan khusus dengan mengemukakan cadangan lengkap & bajet terperinci yang mengandungi perkara berikut:
 - i. Pendahuluan / Latar Belakang Kajian
 - ii. Pernyataan Masalah
 - iii. Objektif Kajian
 - iv. Kepentingan Kajian
 - v. Kerangka Konseptual Kajian
 - vi. Hipotesis Kajian (jika kajian kuantitatif)
 - vii. Metodologi
 - viii. Rekabentuk kajian (Kaedah Pengumpulan Data)
 - ix. Kaedah Persampelan & Analisis Data
 - x. Kumpulan Penyelidik
 - xi. Lokasi Kajian
 - xii. Jadual Pelaksanaan (Gantt Chart)
 - xiii. Anggaran Peruntukan Kajian
 - xiv. Tempoh Kajian
 - xv. Rujukan

2.3.3 Berkebolehan membentangkan hasil kajian dengan menyediakan Laporan Interim & Akhir selaras dengan garis masa projek penyelidikan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan.

2.4 TEMPOH PENYELIDIKAN

2.4.1 Tempoh penyelidikan akan ditentukan berdasarkan skop projek dan garis panduan yang ditetapkan antara 12 bulan sehingga 24 bulan.

2.4.2 Pelanjutan tempoh penyelidikan perlu dikemukakan kepada pihak pengurusan IIC-MIS dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek. Tempoh lanjutan yang dibenarkan adalah maksimum enam (6) bulan sahaja. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a. Justifikasi lanjutan; dan
- b. Laporan kemajuan terkini berserta dengan carta gannt dan lampiran perbelanjaan.

3.0 PENGURUSAN PERUNTUKAN

3.1 PERMOHONAN

3.1.1 Permohonan peruntukan yang diperlukan mestilah dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*).

3.1.2 Setiap aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan perlu menetapi kadar peruntukan yang telah diluluskan.

3.1.3 Sebarang permohonan penambahan peruntukan sepanjang tempoh penyelidikan tidak akan dipertimbangkan termasuk penambahan peruntukan yang berkait dengan tujuan lanjutan tempoh penyelidikan.

3.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

3.2.1 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-

- i. Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan professional / badan ikhtisas dan seumpamanya;
- ii. Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;

- iii. Pembelian peralatan Information and Communications Technology (ICT) dan komunikasi (seperti telefon bimbit / komputer riba / mesin pencetak / katrij dan seumpamanya);
- iv. Pembayaran bil utility / telekomunikasi;
- v. Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis / kertas / meja / kerusi dan seumpamanya);
- vi. Pembelian peralatan storan (Seperti external hard disk / pendrive / CD dan seumpamanya kecuali bagi tujuan penghantaran laporan akhir);
- vii. Pembayaran sewaan ruang / fasiliti di institusi / organisasi masing-masing;
- viii. Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya; dan
- ix. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

3.2.2 Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tamat projek penyelidikan.

4.0 PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Pemantauan bagi geran penyelidikan ini adalah tertakluk kepada pemantauan oleh satu Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan bermula dari tarikh mula hingga tarikh tamat projek. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:

4.1 PRESTASI PROJEK PENYELIDIKAN

Setiap projek penyelidikan adalah tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi bagi projek adalah mengikut fasa penyelidikan.

4.2 PRESTASI KEWANGAN

Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan Prestasi dan Kewangan Berkala bagi projek penyelidikan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan tersebut hendaklah merangkumi kemajuan aktiviti / carta

perbatuan kajian (*milestone*), prestasi kewangan beserta kekangan / cadangan.

4.3 LAPORAN AKHIR

- 4.3.1 Laporan akhir perlu dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dalam tempoh 1 bulan setelah projek penyelidikan tamat.
- 4.3.2 Laporan harus merangkumi ringkasan keseluruhan projek, pencapaian objektif penyelidikan, perincian penggunaan peruntukan dan cadangan untuk penyelidikan masa depan (jika perlu).
- 4.3.3 Dokumen yang perlu dikemukakan setelah laporan akhir disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan adalah hasil kajian yang dibukukan / dijilidkan merangkumi pengenalan, kajian literatur, metodologi, hasil kajian, perbincangan dan lain-lain aspek yang bersesuaian untuk dibentangkan atau dikongsi kepada pihak berkepentingan.

RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia. (2014). Garis Panduan Geran Penyelidikan Pendidikan Tinggi (GPPT)

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (20xx). Garis Panduan Geran Pelancongan Kajian dan Penyelidikan.